



JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR
Tingkat M, 9, 10, 11, 14, 17 & 18, No. 1, Wisma Sunway,
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C, Seksyen 9,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.



Tel : 03-5123 7333, 03-5123 7334, 03-5123 7335,
03-5123 7401
Faks : 03-5123 7202 (Pengarah), 03-5123 7209 (Pengurusan),
03-5123 7299 (Perubatan), 03-5123 7389 (Pergigian),
03-5123 7399 (Kesihatan Awam), 03-5123 7402 (BKKM),
03-5123 8604 (Farmasi)

Portal Rasmi : www.jknselangor.moh.gov.my

Ruj. Kami : JKNS/KA/EPID/730/02 Jld. 4(44)
Tarikh : 29 Januari 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

PENGUKUHAN PROGRAM ACUTE FLACCID PARALYSIS (AFP) DI SELANGOR

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengisytiharkan kejadian tiga(3) kes poliomyelitis di Sabah. Sehubungan dengan itu bagi memperkukuhkan pemantauan *acute flaccid paralysis* (AFP) di semua fasiliti kesihatan, setiap kes yang memenuhi kes definisi AFP perlu dilaporkan ke Pejabat Kesihatan Daerah dengan segera menggunakan borang seperti di Lampiran 1.
- Semua kes AFP juga perlu diambil **dua (2) sampel** najis dalam tempoh 14 hari dari tarikh onset paralisis mengikut kriteria yang ditetapkan dan sampel adalah perlu dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) oleh Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan. (Lampiran 2)
- Bersama-sama ini disertakan carta alir (Lampiran 3) bagi proses notifikasi daripada hospital atau klinik untuk makluman dan tindakan tuan/puan. Kami amat mengharapkan komitmen dan kerjasama pihak tuan/puan dalam memastikan program ini dapat dijalankan dengan berkesan seterusnya mencegah daripada penularan virus polio ini di Selangor. Sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung dengan **Dr Hanis Syazwani**, Unit Kawalan Penyakit Berjangkit di talian **03-51237358**.


PENYAYANG, PROFESIONALISME DAN KÉRJA BERPASUKAN ADALAH BUDAYA KERJA KITA



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. NO. QMS 01508

PENGUKUHAN PROGRAM ACUTE FLACCID PARALYSIS (AFP) DI SELANGOR

PROSES NOTIFIKASI DI HOSPITAL



*Sampel akan dihantar ke IMR oleh pihak PKD. Mohon maklumkan pengambilan sampel kepada pihak PKD